

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN BAS PERSIARAN

1. Permohonan hendaklah menggunakan **Borang 4 (Subperaturan 7(1))**.
2. Pemohon hendaklah menggunakan satu borang yang berasingan bagi setiap lesen yang hendak diperbaharui.
3. Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan bersama dengan dokumen sokongan seperti dinyatakan dalam borang. Borang tersebut mestilah ditandatangani oleh Pengarah dan dilengkapi dengan cop syarikat
4. Borang permohonan hendaklah sampai kepada Pesuruhjaya Pelancongan tidak kurang 30 hari dan tidak lebih 60 hari sebelum tamat tempoh lesen sekarang.
5. Borang yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pelesenan melalui Pejabat Pelesenan Wilayah yang berkenaan.
6. Menyertakan fi pemerosesan sebanyak RM20.00 bagi setiap permohonan dalam bentuk Bank Draf / Kiriman Wang / Wang Pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan.
7. Lesen lama hendaklah dikembalikan semasa lesen baru dikeluarkan.
8. Pemohon hendaklah menyelesaikan kompaun yang dikenakan kerana melanggar AIP 1992 dan APKP 1999 (Jika ada).
9. Had usia bas persiaran adalah sehingga 12 tahun dan tambahan 1 tahun sekiranya ada rayuan.
10. Permohonan pembaharuan bas persiaran yang berusia lebih 10 tahun mestilah disertakan dengan laporan pemeriksaan fizikal bas persiaran oleh pegawai Kementerian.
11. Piagam Pelanggan: **7 -10 hari**
12. Fee lesen bas persiaran RM60.00 setahun

Dokumen sokongan

- a. Salinan lesen bas persiaran
- b. Salinan Kad Pendaftaran Kenderaan
- c. Salinan lesen KPL